

15/02/2003

Dr Mahathir melawat projek Danga Bay

JOHOR BAHRU: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menghabiskan masa kira-kira sejam melawat projek pembangunan Bandaraya Wawasan Selatan Semenanjung yang sedang giat dibangunkan, di Danga Bay dan merasmikan kerja naik taraf pusat rekreasi Pantai Lido, di sini semalam.

Danga Bay yang dibangunkan Danga Bay Sdn Bhd adalah pembangunan hartanah bercampur terbesar di bandar raya ini membabitkan penempatan, kompleks beli-belah dan kawasan komersial.

Ia direka bentuk bagi memperlihatkan pembangunan sebuah bandar raya masa depan bagi memenuhi keperluan pertumbuhan sekitar pintu masuk utama antarabangsa di selatan semenanjung.

Kawasan seluas 540 hektar itu meliputi pembangunan taman rekreasi awam pantai Lido, kompleks beli-belah, pembangunan bercampur membabitkan penempatan, pejabat dan komersial, penempatan eksklusif serta kawasan pejalan kaki sepanjang tiga kilometer berdepan pembangunan projek Danga Bay.

Terletak di lokasi strategik di pusat bandar dan beberapa projek mega seperti Bandar Nusajaya dan Laluan Kedua Johor-Singapura, Danga Bay memanfaatkan sepenuhnya kemudahan laluan air di Sungai Skudai, Danga dan Melayu serta Selat Tebrau yang memisahkan Johor dan Singapura.

Setiausaha Kerajaan Johor, Datuk Ayub Mion, berkata projek yang dilaksana secara usaha sama dengan anak syarikat kerajaan negeri, Kumpulan Prasarana Rakyat Johor (KPRJ) Sdn Bhd penting bagi pembangunan masa depan Johor Bahru.

Ia kerana projek yang sebahagian besarnya membabitkan pembangunan tepian pantai Selat Tebrau dan tiga sungai iaitu Sungai Danga, Skudai dan Melayu bakal menjadi daya tarikan utama pengunjung ke bandar raya ini.